

Headline	Boustead Properties, FRIM Inc pulihara taman sungai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2022	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	38	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	167 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,551
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,653



Boustead Properties, FRIM Inc pulihara taman sungai

Pemaju perbandaran induk, Boustead Properties Bhd (Boustead Properties) menjalinkan kerjasama dengan FRIM Incorporated Sdn Bhd bagi memulihara taman sungai pertama sepanjang 2.1 kilometer di Mutiara Hills, Semenyih.

Pemuliharaan taman sungai yang menjadi inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) itu menyumbang ke arah membina semangat kemasyarakatan yang lebih kukuh di perbandaran pintar bersepadu seluas 485.6 hektar yang sedang dibangunkan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

Projek Mutiara Hills dianugerahkan dengan pensijilan GreenRE kerana menjadi pembangunan perbandaran yang mengutamakan kepentingan kemampanan dan prinsip mesra alam dalam reka bentuk dan pembinaannya.

Bina hartanah mampan

Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Properties, Khairul Azizi Ismail, berkata taman sungai dan pensijilan hijau adalah bukti bagaimana pemaju itu membina hartanah mampan dengan menegakkan nilai ESG.

“Sebagai pemaju yang bertanggungjawab, kami boleh meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar, sambil membenarkan pembangunan dan komuniti kami berkembang maju sepenuhnya.

“Kami akan terus meneroka dan memanfaatkan pelbagai sumber tenaga boleh diperbaharui untuk mencapai pembangunan karbon hampir sifar dengan mobiliti pintar, sistem pengurusan air yang cekap dan ciri mesra alam yang lain untuk menggalakkan kebolehdupan,” katanya dalam satu kenyataan.

Aktiviti penanaman pokok turut diadakan dengan pengurusan tanaman Boustead Properties, FRIM Incorporated dan GreenRE menanam beberapa anak pokok untuk menandakan usaha bersama mereka ke arah mewujudkan kehidupan hijau yang mampan.

Di samping itu, mereka yang menghadiri Karnival Hijau berpeluang menyertai pelbagai aktiviti seperti bengkel terarium, pameran tanaman semaian dan bermain layang-layang.

Khairul Azizi berkata, Karnival Hijau itu bertujuan untuk mempamerkan kepentingan alam sekitar dan komuniti dalam pembangunan perbandaran utamanya di Semenyih.